

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW

KAWASAN : SIBU

NO. SOALAN : 354

YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan Program jenis bantuan kewangan yang sedia ada untuk dipohon bagi pemuda yang ingin memulakan perniagaan, dan sila senaraikan Program Business Incubator yang ada sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2015, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10.6 bilion bagi melaksanakan 42 program yang kebanyakannya adalah program pembiayaan. Antara program-program yang dilaksanakan adalah:

- i. Tabung Usahawan Siswazah (TUS) oleh SME Bank dalam bentuk skim pinjaman mudah;
- ii. *Young Entrepreneur Fund (YEF)* oleh SME Bank dalam bentuk skim pinjaman mudah; dan
- iii. PROSPER Usahawan Muda (PUMA) oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dalam bentuk skim pinjaman mudah untuk modal pusingan.

Program TUS dilaksanakan khusus untuk menggalakkan lebih ramai graduan universiti menceburi bidang keusahawanan. Dari tahun 1998 hingga Februari 2015, SME Bank telah meluluskan RM179.2 juta pembiayaan kepada 2,363 usahawan siswazah PKS di bawah program TUS.

Program YEF pula diwujudkan untuk menggalakkan lebih ramai usahawan di kalangan belia Malaysia, tanpa mengira latar belakang dan pendidikan pemohon. Pembiayaan YEF telah diluluskan kepada 463 usahawan belia dengan nilai pembiayaan sebanyak RM33.2 juta sejak Februari 2013 hingga Februari 2015.

Usahawan muda juga boleh mengambil peluang menggunakan kemudahan yang disediakan bagi membantu usahawan secara umum di mana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) menyediakan pinjaman mudah bagi usahawan-usahawan yang ingin

memulakan perniagaan di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi Enterpris Kecil dan Sederhana (SLSME). Skim ini boleh dipohon bagi pembelian aset seperti hartanah komersil/industri, mesin, peralatan dan modal kerja pada kadar faedah yang rendah dan tetap iaitu sebanyak 4 peratus setahun.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha membantu usahawan baharu termasuk usahawan muda untuk mengukuhkan perniagaan, SME Corp Malaysia menyediakan bimbingan secara menyeluruh melalui *Program Enrichment & Enhancement (E²)*. Melalui Program ini, PKS dibantu untuk meningkatkan keupayaan melalui inisiatif pembangunan kapasiti, khidmat nasihat perniagaan serta sokongan kewangan. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, sejumlah 243 syarikat PKS telah dibimbing di bawah Program E² dengan dana berjumlah RM10.47 juta untuk pelbagai aktiviti penambahbaikan dan peningkatan keupayaan syarikat.

Bagi Inkubator Perniagaan, terdapat tiga program yang sedang dilaksanakan iaitu:

- i. Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS) yang dikendalikan oleh Centre For Entrepreneur Development & Research Sdn. Bhd. (CEDAR), anak syarikat SME Bank;

- ii. Program Inkubator oleh SEDCOVEST Holdings Sdn Bhd, Sabah; dan
- iii. Program Pembangunan Inkubator, *Biovalley Park* oleh Kementerian Perindustrian Sarawak.

Peserta-peserta PIUS akan diberi latihan asas keusahawanan dan khidmat nasihat perniagaan selama tiga bulan sehingga mereka berjaya menyediakan Rancangan Perniagaan. Dari tahun 2005 sehingga April 2015, sebanyak 2,499 orang peserta telah menyertai program ini.

Selain itu, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut menyediakan pusat inkubator yang dilengkapi kemudahan asas bagi membantu usahawan yang ingin memulakan perniagaan. Pusat inkubator ini diuruskan oleh Pusat Usahawan MARA (PUSMA) dengan diselia oleh Pejabat MARA Negeri. Usahawan muda juga boleh memanfaatkan skim pembiayaan yang disediakan oleh MARA seperti Skim Pembiayaan Pertama Untuk Golongan Belia (Program PUTRA), Skim Pembiayaan Perniagaan Lulusan Institusi Pengajian Tinggi (SEMAI) dan Program Usahawan Teknikal (PUTEK).

Pihak kerajaan akan meneruskan pelbagai usaha strategik di antara kementerian dan agensi untuk membantu semua usahawan termasuk usahawan muda meningkatkan kapasiti dan prestasi PKS.